




# KAJIAN PANEL SINGAPURA MENGENAI DINAMIK SOSIAL

DAPATAN DARIPADA SIRI 1 HINGGA 4  
2015 HINGGA 2018

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada Kajian Panel Singapura mengenai Dinamik Sosial (SPSSD). Penyertaan anda penting kepada tinjauan kami, yang bertujuan untuk memahami cabaran dan kekuatan berkaitan perpaduan keluarga dan bagaimana ia berfungsi.



Sejak tahun 2015, kami telah menyelesaikan lima siri pengumpulan data. Manakala sebahagian besar kajian hanya menemuduga responden sekali sahaja, kami berhubung dengan anda sepanjang beberapa siri agar kami dapat memahami bagaimana keadaan isi rumah di Singapura selama jangka masa lima tahun.



Dapatan ini penting bagi penggubal dasar untuk memahami trend dalam masyarakat dan merancang masa hadapan kita. Setiap isi rumah membantu dengan menyumbangkan maklumat penting untuk menunjukkan kepelbagaian kehidupan di Singapura.





Saya dan pasukan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi atas sokongan anda. yang berterusan. Kami berharap dapatan dalam buku kecil ini akan memberi anda sebuah gambaran yang lebih baik mengenai hasil yang diperoleh daripada respons anda, dan bagaimana sumbangan anda membantu membentuk dasar-dasar sosial yang mantap dan relevan.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Natalie Pang'.

**Dr Natalie Pang**

Penyelidik Utama

Kajian Panel Singapura mengenai Dinamik Sosial

Oktober 2019

# KAJIAN PANEL SINGAPURA mengenai DINAMIK SOSIAL (SPSSD)

Kajian Panel Singapura mengenai Dinamik Sosial (SPSSD) merupakan kajian panel isi rumah tentang daya bingkang keluarga di Singapura. Untuk memahami daya bingkang dalam isi rumah Singapura, SPSSD melihat faktor-faktor seperti

**KESIHATAN FIZIKAL & PSIKOLOGI** serta

**HUBUNGAN KEKELUARGAAN & SESAMA JIRAN.**



**KELUARGA merupakan SALAH SATU asas PEMBANGUNAN masyarakat**




Mereka memainkan peranan penting dalam **BERKONGSI sumber-sumber** dan **SALING MEMBERIKAN SOKONGAN** kepada ahli keluarga mereka



KAJIAN INI BERMULA  
DENGAN PANEL  
RESPONDEN DARIPADA

# 5,002 ISI RUMAH DI SINGAPURA DALAM SIRI 1



SIRI 1: 2015  
SIRI 2: 2016  
SIRI 3: 2017  
SIRI 4: 2018  
SIRI 5: 2019

Bagi setiap isi rumah, kami  
menemuduga seorang ahli keluarga  
yang dikenalpasti sebagai

Ketua ISI  
rumah (KIR)



Dan jika  
berkenaan,  
responden  
kedua (2R)

Maklumat yang dikumpulkan daripada  
kedua responden membantu kami  
memahami bagaimana peranan yang  
berbeza dalam keluarga mempengaruhi  
hasil yang tertentu.

Dengan sumbangan anda, penyelidik dan penggubal  
dasar dapat lebih memahami isu-isu penting

Kerja  
penjagaan  
dalam isi  
rumah

Taraf  
kepuasan  
hidup dan  
kepuasan  
keuangan

Status  
keuangan ISI  
rumah

Kesihatan  
fizikal &  
kesejahteraan  
diri ahli  
keluarga

Dapatan diperolehi yang dihasilkan  
daripada respons anda menyumbang  
kepada penggubalan dasar-dasar tentang

## DAYA BINGKAS SOSIAL Dan keluarga



# cabaran kewangan



Kewangan yang mencukupi bagi jangka pendek  
**ADAKAH ISI RUMAH INI MEMPUNYAI  
WANG YANG MENCUKUPI UNTUK  
MENAMPUNG KEPERLUAN ASAS BAGI  
3 BULAN AKAN DATANG?**

RESPONDEN YANG LEBIH MUDA  
MUNGKIN AKAN MENGHADAPI  
KESUKARAN UNTUK MEMBUAT  
PERALIHAN YANG BERTERUSAN  
UNTUK KELUAR DARI KEADAAN  
KEWANGAN YANG TIDAK  
MENCUKUPI berbanding  
responden yang lebih berumur



DARIPADA responden yang mengatakan bahawa mereka TIDAK mempunyai kewangan yang mencukupi bagi jangka pendek dalam SIRI 1....



mereka yang LEBIH berumur LEBIH berkemungkinan menjadi cukup dari segi kewangan dan kekal seperti itu dalam SIRI 2 HINGGA 4...

sementara itu, responden LEBIH muda LEBIH berkemungkinan kekal dalam keadaan kewangan yang TIDAK mencukupi, atau menjadi kekurangan kewangan semula menjelang SIRI 4.

### Membesar menjadi orang dewasa membawa peluang, tetapi juga ketidakpastian.

Keadaan kewangan yang tidak mencukupi ada kalanya sukar diatasi pada usia muda, oleh kerana golongan muda menghadapi cabaran yang unik dan mungkin mempunyai kekurangan sumber untuk bergantung.



sebagai contoh, mereka mungkin mempunyai simpanan yang kurang, pengalaman kerja yang kurang, & kekurangan orang yang boleh membantu mereka apabila mengalami masalah.

# KEPUASAN HIDUP & aturan KEHIDUPAN



**Kepuasan kehidupan peribadi**  
sejauh manakah anda BERPUAS HATI dengan KEHIDUPAN SEBAGAI SEORANG INDIVIDU?

**Kepuasan isi rumah secara umum**  
sejauh manakah anda BERPUAS HATI dengan KEHIDUPAN DI DALAM RUMAH ANDA, DI SAMPING ORANG-ORANG YANG TINGGAL BERSAMA anda?



KETUA ISI RUMAH YANG TINGGAL HANYA BERSAMA IBU BAPA MEREKA MELAPORKAN TAHAP KEPUASAN KEHIDUPAN PERIBADI PALING RENDAH (4.52) berbanding dengan mereka yang tinggal bersama anggota keluarga yang lain (4.79).



BAGAIMANAPUN, IBU BAPA MEREKA LEBIH BERPUAS HATI dengan KEHIDUPAN mereka BERBANDING semua RESPONDEN LAIN (5.29).



TERDAPAT JUGA PERBEZAAN PURATA YANG AGAK BESAR DALAM TAHAP KEPUASAN ISI RUMAH SECARA UMUM ANTARA KETUA ISI RUMAH DAN RESPONDEN KEDUA DALAM ISI RUMAH INI (0.6),

berbanding responden yang mempunyai aturan kehidupan yang lain (0.2).



Ketua isi rumah yang tinggal bersama AHLI KELUARGA LEBIH BERUMUR (dengan umur purata di atas 60 tahun) mengalami **KEPUASAN ISI RUMAH LEBIH RENDAH** berbanding mereka yang tinggal bersama ahli keluarga lebih muda (purata umur sehingga 29 tahun).



BAGAIMANAPUN, JIKA KETUA ISI RUMAH ADALAH HAMPIR SEUMUR DENGAN AHLI KELUARGA YANG LAIN, mereka pada umumnya LEBIH BERPUAS HATI BERBANDING JIKA

Secara bersama, dapatan ini mungkin menunjukkan bahawa TINGGAL BERSAMA saudara-mara LEBIH TUA menyumbang KEPADA TEKANAN BAGI KETUA ISI RUMAH, TERUTAMA JIKA mereka TERGOLONG DALAM GENERASI YANG BERBEZA.




Ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara, termasuk TUGAS PENJAGAAN, JANGKAAN TANGGUNGJAWAB DALAM ISI RUMAH YANG BERUBAH APABILA AHLI KELUARGA MENJADI SEMAKIN BERUMUR.

# Perkahwinan dan membesarkan anak Perkahwinan & anak-anak = KEBAHAGIAAN?



Perkahwinan adalah sesuatu yang diinginkan bagi kebanyakan responden dalam sampel SPSSD.



76.2%

## RESPONDEN KEDUA YANG BELUM BERKAHWIN

Dalam Siri 3, 76.2 peratus responden kedua yang belum berkahwin berharap untuk berkahwin pada masa akan datang.

TETAPI



## RESPONDEN BUJANG

tidak begitu menyetujui dengan pendapat bahawa perkahwinan membawa kepada kebahagiaan, dan mereka memberikan nilai mata lebih kurang di pertengahan pada skala 7 mata untuk Kebahagiaan Perkahwinan.

PERKAHWINAN BOLEH DIANGGAP SEBAGAI SATU KEPRIHATINAN YANG LEBIH TINGGI OLEH WANITA BERBANDING LELAKI.



## WANITA BUJANG

Kurang berkemungkinan berbanding lelaki bujang untuk mempercayai bahawa perkahwinan membawa kepada kebahagiaan.



## LELAKI BUJANG

Alasan utama oleh lelaki untuk menanggukkan perkahwinan adalah kerana tidak menemui pasangan yang sesuai.



## PERSEPSI WANITA

Perkahwinan adalah satu komitmen yang akan membuat mereka hilang kebebasan

## PERKAHWINAN TERIKAT DENGAN MEMBESARKAN ANAK-ANAK

95.9% kepala isi rumah yang sudah berkahwin di bawah umur 50 tahun mempunyai anak atau ingin mempunyai anak di masa hadapan



## TUGAS MEMBESARKAN ANAK DILETAKKAN ATAS BAHU WANITA SECARA TIDAK SEIMBANG.

Lebih ramai anak yang seorang responden punyai, lebih berkemungkinan besar mereka bersetuju bahawa wanita harus mengutamakan urusan rumah tangga.

## BAGAIMANAPUN, INI TIDAK BERMAKNA WANITA YANG MEMPUNYA ANAK TIDAK LAGI BEKERJA

Dalam Siri 4, 77% ketua isi rumah yang bekerja sepenuh masa yang merupakan penjaga utama anak-anak yang masih kecil adalah wanita. Responden-responden ini kurang berpuas hati dengan isi rumah mereka (4.54) berbanding wanita yang mana pasangan mereka merupakan penjaga utama (5.71)



**INI BERMaksud, WANITA LEBIH BERKEMUNGKINAN UNTUK MENANGGUNG "BEBAN BERGANDA", YANG MEMBAWA KEPADA KEPUASAN ISI RUMAH LEBIH RENDAH**

# Kesejahteraan DIRI SUBJEKTIF



## Kesejahteraan DIRI SUBJEKTIF

Bagaimana keadaan diri  
seseorang, dari segi  
kemajuan hidup

Dalam SPSSD, kami menumpukan kepada kesejahteraan fizikal, kesejahteraan dari segi kebendaan, taraf kehidupan & kepuasan dengan kehidupan secara umum

## Kesejahteraan FIZIKAL $\neq$ Kesihatan FIZIKAL

Dalam Siri 4, walaupun kesihatan mereka mungkin tidak bertambah buruk, responden lebih tua kurang berpuas hati dengan kesihatan fizikal mereka berbanding responden lebih muda.

BERPUAS HATI



BER-  
BANDING

KURANG BERPUAS HATI



## ATURAN KEHIDUPAN

KIR yang tinggal dalam isi rumah secara berpasangan sangat lebih berpuas hati dengan kesihatan fizikal mereka berbanding KIR yang merupakan ibu bapa tunggal atau hidup bersendirian.



## UMUR DAN Kesejahteraan DIRI

Meskipun kesejahteraan fizikal mereka lebih rendah, responden yang berumur 60 tahun ke atas lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka secara umum berbanding responden lebih muda daripada semua kumpulan umur yang lain





2R

## Peranan dalam keluarga


Tanggungjawab dan tekanan yang datang bersama tugas mengurus isi rumah juga boleh mempengaruhi persepsi kesihatan fizikal seseorang. Berbanding Responden Kedua, ketua isi rumah biasanya kurang berpuas hati dengan kesihatan fizikal mereka.



HOH

**TEKANAN MEMIMPIN SEBUAH ISI RUMAH KELIHATAN LEBIH TINGGI DI KALANGAN MEREKA YANG TINGGAL DALAM PERUMAHAN AWAM DAN MEREKA YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN PENDIDIKAN LEBIH RENDAH**

### PERBEZAAN ANTARA KESEJAHTERAAN FIZIKAL KIR DAN 2R



**1** Lebih besar bagi keluarga yang tinggal di apartmen studio atau flat 1 hingga 3 bilik HDB berbanding mereka yang tinggal di rumah privat dan perumahan berhalaman.

**2** Lebih besar bagi keluarga dengan KIR yang berpendidikan sekolah rendah berbanding KIR yang mempunyai kelayakan possiswazah.

Aspek kesejahteraan diri yang berlainan kelihatan tidak bergantung antara satu sama lain. Walaupun kesejahteraan fizikal adalah paling tinggi bagi mereka yang bekerja sepenuh masa,

**MEREKA YANG TIDAK BEKERJA ATAU TIDAK Mencari pekerjaan menikmati kepuasan hidup peribadi paling tinggi.**



Walau apa pun penilaian seorang responden mengenai taraf kehidupan mereka pada masa ini, **kebanyakannya menjangkakan bahawa pada masa akan datang, anak-anak mereka atau generasi lebih muda akan mempunyai taraf kehidupan yang lebih rendah berbanding diri mereka sendiri.**

# MODAL SOSIAL DAN HUBUNGAN sesama Jiran

## MODAL JALINAN HUBUNGAN erat

Hubungan yang kukuh, biasanya dengan mereka daripada latar belakang yang sama



## MODAL PENGHUBUNG


Hubungan yang lemah, biasanya di kalangan kumpulan yang lebih pelbagai



## SITI 4

**KAWASAN KEJIRANAN KELIHATAN SEPERTI BUKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG PENTING BAGI KEBANYAKAN ORANG**

Secara umumnya, responden jarang berinteraksi dengan jiran-jiran mereka



**Responden muda**

dan mereka yang berpenempatan lebih tinggi biasanya menunjukkan modal sosial lebih tinggi

secara keseluruhan, rasa kepercayaan dan keselamatan dalam kawasan kejiranan adalah sederhana, dengan purata 4.64 pada skala 1 hingga 7.

**Peranan dalam isi rumah menjejaskan bagaimana status perkahwinan mempengaruhi modal sosial.**

secara keseluruhan, KIR melaporkan tahap modal sosial lebih rendah berbanding 2R

tetapi perbezaannya lebih besar terutamanya jika mereka telah bercerai/berpisah, atau tidak pernah berkahwin



KIR yang sudah bercerai/berpisah melaporkan modal penghubung & jalinan hubungan erat yang kurang

berbanding mereka yang belum pernah berkahwin atau masih berkahwin

# KAMI INGIN MENDENGARKAN ANDA

Respon anda kepada tinjauan SPSSD adalah penting untuk membangunkan pemahaman yang lebih baik mengenai isu-isu yang dihadapi oleh keluarga warga Singapura.

Sebagai responden, anda mungkin mempunyai idea-idea yang berharga mengenai trend-trend yang dilaporkan, mengapa ia dikaji dan apa yang boleh dilakukan tentangnya.

SEKIRANYA ANDA  
MEMPUNYAI  
SEBARANG IDEA  
TENTANG CARA-CARA  
MENANGANI SALAH  
SATU ISU YANG  
DIBANGKITKAN DI  
SINI, SILA BERITAHU  
KAMI!



Apabila memikirkan tentang rancangan dan dasar-dasar yang boleh dilakarkan, anda mungkin ingin mempertimbangkan soalan-soalan berikut di samping maklumat lain yang terkandung dalam lembaran ini:

Apakah yang boleh dilakukan untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan dalam kajian ini, dan siapakah yang harus mengambil tindakan?



Apakah kesan-kesan dan batasan-batasan tindakan ini?

Serahkan idea-idea anda kepada kami di [ips.soclab@nus.edu.sg](mailto:ips.soclab@nus.edu.sg) tidak lewat dari 31 Januari 2020. 5 orang peserta akan berpeluang memenangi

**HADIAH-HADIAH BERNILAI \$100.**

Anda boleh memilih salah SATU daripada yang berikut:






**MAKMAL SOSIAL, INSTITUT PENGAJIAN DASAR  
SEKOLAH DASAR AWAM LEE KUAN YEW  
UNIVERSITI KEBANGSAAN SINGAPURA  
20 EVANS ROAD, SINGAPURA 259365**

Versi terjemahan risalah ini boleh didapati di  
[https://lkyspp.nus.edu.sg/ips/research/ips-social-lab/  
singapore-panel-study-on-social-dynamics](https://lkyspp.nus.edu.sg/ips/research/ips-social-lab/singapore-panel-study-on-social-dynamics)



PANEL STUDY  
ON SOCIAL  
DYNAMICS  
SINGAPORE



Hak Cipta 2019 Universiti Kebangsaan Singapura. Semua Hak Cipta Terpelihara.  
Sila hubungi Makmal Sosial IPS sekiranya anda ingin mencetak semula bahan ini  
untuk tujuan-tujuan bukan komersial.